

# Generasi berjiwa besar sanggah budaya hedonisme

Hedonisme ialah satu aliran pemikiran yang beranggapan kenikmatan dan kesenangan menjadi matlamat utama kehidupan bagi seseorang. Perkaitan hedonisme mula dipakai sejak zaman Yunani iaitu zaman yang melahirkan ramai tokoh falsafah terkemuka seperti Socrates.

Hari ini di Malaysia, kesenangan dan kenikmatan dalam kalangan remaja antara patut dipersalahkan berlakunya hedonisme.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Kamariah Kamarudin, berkata jika diteliti hedonisme adalah satu daripada cabang fahaman sekularisme yang menggariskan keseronokan sebagai tunjang utama kehidupan.

Keseronokan ini, diputuskan sendiri oleh akal manusia. Hal ini sedikit sebanyak bertepatan dengan matlamat sekularisme yang mahu memastikan manusia bebas daripada unsur ketuhanan.

Menurut Dr Kamariah, satu daripada keburukan dan bahaya hedonisme ialah ia boleh menyebabkan penentangan dan perpecahan antara satu sama lain.

## Tidak disedari

"Contohnya seorang individu menganggap membunuh adalah perkara menyeronokkan, manakala individu lain menganggap ia sesuatu perkara yang menakutkan. Bagaimanapun, generasi muda di Malaysia sudah didedahkan kepada doktrin hedonisme secara tidak disedari," katanya.

Dr Kamariah menjelaskan Islam menentang pemikiran yang cuba mengganggu umat. Sekiranya pemikiran ini tidak dikawal, ia mampu merosakkan akidah.

"Hedonisme mementingkan kebebasan fikiran, sedangkan akidah Islam meletakkan al-Quran dan Sunah sebagai paksi pemikiran," katanya.

Selain itu, dalam pengertian 'kebaikan' terhadap individu, pandangan Islam amat bertentangan dengan konsep 'kebaikan' dalam hedonisme.

"Islam melihat konsep 'kebaikan' membabitkan pembangunan ummah yang memberi fokus kepada aspek ketuhanan atau kerohanian agar manusia bukan saja mendapat 'kebaikan' di dunia tetapi juga 'kebaikan' di akhirat, manakala 'kebaikan' dibawa hedonisme adalah apa-apa yang berbentuk keseronokan," katanya.

Setiap penyakit pasti ada ubatnya melainkan sakit tua dan mati, bezanya masa diambil untuk menyembuhkan sesuatu penyakit akan mengambil masa lama.

Justeru, beliau berkata perlunya penyaringan pembacaan

yang baik untuk dihadam oleh anak muda dan menjadikan 'budaya membaca sebagai budaya menyeronokkan'.

"Lantaran kerana mudah tergoda dan terpengaruh dengan anasir luar, maka pemikiran anak muda yang dijajah perlu dibersihkan pertumbuhan pembacaan sejak kecil. Perlu bangunkan diri anak dengan bahan bacaan bercorak agama, falsafah dan sejarah selain karya kreatif yang menampilkan isu besar dan berguna agar pemikiran mereka lebih kritis, kreatif dan inovatif," katanya.

Dr Kamariah berkata penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang amat dituntut agar anak memiliki jiwa besar, berdaya saing dan berkeyakinan dalam apa jua cabaran.

## Berorientasi ilmu

"Tumpuan kepada peperiksaan saja perlu ditukar kepada yang berorientasi ilmu agar apa yang diperoleh sama ada di sekolah atau universiti dapat dimanfaatkan dengan baik dalam kehidupan. Pendidikan memainkan peranan utama, iaitu dengan menyuakan anak sejak dari kecil agar cintakan nusa, agama dan bangsa secara utuh. Dengan ini mereka akan berjiwa besar dan berusaha untuk menjaga nama baik keluarga," katanya.

Pendedahan kepada tokoh falsafah Islam dan penceritaan tentang sirah Nabawi perlu dipasak dalam diri anak.

Andai berkemampuan, membawa anak ke Tanah Suci untuk ibadah umrah atau melancong ke negara peninggalan tamadun Islam seperti Sepanyol, Turki dan sebagainya agar mengambil iktibar kisah, semangat, kehebatan dan kegemilangan Islam.

"Jadikan Rasulullah SAW sebagai 'qudwah hasanah' (contoh teladan) dalam mengharung cabaran kehidupan. Malah jadikan al-Quran dan sunnah sebagai inspirasi dan motivasi untuk mentarbiah anak dalam kehidupan," kata beliau.

Mengulas lanjut, Dr Kamariah menambah ibu dan bapa perlu sentiasa mengawasi anak daripada terjebak dengan perkara yang tidak baik seperti di media cetak dan elektronik.

"Sentiasa bermusyawarah dengan anak secara tekal dan konsisten, jadikan anak sebagai 'sahabat' dengan mengetahui semua aktiviti dan pergerakan mereka agar mereka tidak terpesong arah dan tujuan hidup," katanya.

Gaya hidup berkeluarga secara sihat dengan melancong atau beriadah ke destinasi pulau yang indah dalam negara dengan mesej mencintai alam sekitar perlu dijadikan amalan setiap keluarga.